

Malayan Law Journal Unreported/2018/Volume/Jayaganesan a/l Ramakrishnan lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan lain-lain - [2018] MLJU 1665 - 23 October 2018

[2018] MLJU 1665

## **Jayaganesan a/l Ramakrishnan lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan lain-lain**

**MAHKAMAH TINGGI (KLANG)**  
**MEOR HASHIMI PK**  
**PERMOHONAN JENAYAH NO BA-44-60-03 TAHUN 2018**  
**23 October 2018**

*Jay Moy Wei Jiun (Sivanathan) bagi pihak pemohon.*

*Shafinaz Salleh (Peguam Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri Malaysia) bagi pihak responden.*

**Meor Hashimi PK:**

### **ALASAN PENGHAKIMAN**

#### **LATAR BELAKANG KES**

[1] Pemohon melalui peguamnya telah memfailkan Notis Usul bertarikh 1 Mac 2018 dan memohon suatu writ habeas corpus supaya pemohon dibebaskan daripada tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak, Machang, Kelantan [dirujuk selepas ini sebagai "PPA Machang"].

[2] Pemohon telah ditahan di bawah Perintah Tahanan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia (dirujuk selepas ini sebagai "TMDN") pada 27 April 2017 di bawah peruntukan subseksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [dirujuk selepas ini sebagai "Akta 316"].

[3] Sebelum Perintah Tahanan itu dibuat oleh TMDN, pemohon telah ditangkap oleh pihak polis pada 3 Mac 2017 jam lebih kurang 1800 hours di tepi Jalan Avenue 1, Taman Hijau, 28600 Karak, Pahang bagi tujuan penyiasatan dan penahanan di bawah subseksyen 3(1) Akta 316 tersebut.

[4] Mengikut Perintah Tahanan yang dibuat oleh TMDN, Pemohon telah diperintahkan ditahan di PPA Machang untuk tempoh selama dua (2) tahun mulai 27 April 2017.

[5] Pada 11 April 2017, pegawai penyiasat polis yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara, telah menyerahkan laporan lengkap penyiasatan berkaitan penangkapan dan penahanan pemohon di bawah subseksyen 3(3) Akta 316 tersebut kepada TMDN dan Pegawai Siasatan, Kementerian Dalam Negeri (dirujuk selepas ini sebagai "KDN").

[6] Pegawai Siasatan, KDN, yang dilantik di bawah subseksyen 5(1) Akta 316 telah menjalankan penyiasatan secara fizikal terhadap pemohon pada 17 April 2017 di Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh, Pahang. Selanjutnya, laporan lengkap penyiasatan telah dikemukakan oleh Pegawai Siasatan, KDN kepada TMDN pada 18 April 2017 mengikut kehendak subseksyen 5(4) Akta 316.

[7] TMDN telah menerima laporan-laporan lengkap penyiasatan yang dikemukakan oleh pegawai penyiasat polis pada 11 April 2017 dan Pegawai Siasatan, KDN pada 18 April 2017.

[8] Setelah meneliti dan menimbangkan laporan-laporan tersebut, TMDN berpuas hati bahawa pemohon pernah ada kaitan dengan aktiviti yang berhubungan atau melibatkan pengedaran dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] iaitu mengedar dadah berbahaya jenis Heroin dan dadah jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine seperti yang tersenarai di bawah Jadual Pertama, Bahagian III Akta 234.

**[9]** Selanjutnya, TMDN yang berpuas hati bahawa penglibatan pemohon telah memudaratkan ketenteraman awam dan tindakan di bawah Akta 316 tersebut perlu diambil ke atas pemohon, telah mengarahkan Penolong Setiausaha, Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, KDN, menyediakan Perintah Tahanan, pernyataan mengenai alasan-alasan yang Perintah Tahanan tersebut dibuat dan juga pengatahan-pengatahan fakta yang Perintah Tahanan tersebut diasaskan, mengikut kehendak subseksyen 6(1) Akta 316 tersebut.

**[10]** Pada 27 April 2017 jam lebih kurang 11.30 malam di Pejabat Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong, Pahang, pegawai penyiasat kes iaitu Inspektor Polis Ng Tee Yian, yang pada masa material, bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong, Pahang, telah menyampaikan dan menerangkan kepada Pemohon dalam Bahasa Malaysia dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Tamil oleh Lans Koperal Rashpal Singh a/l Masa Singh, yang turut hadir semasa perjumpaan dengan pemohon, mengenai isi kandungan dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah ini:

- (a) satu (1) salinan Perintah Tahanan yang dibuat oleh TMDN bertarikh 27 April 2017 di bawah subseksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985;
- (b) satu (1) salinan pernyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya Perintah Tahanan tersebut dibuat dan pengatahan-pengatahan fakta yang atasnya Perintah Tahanan tersebut diasaskan; dan
- (c) tiga (3) salinan Borang 1 [Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat 1987)] untuk membolehkan pemohon mengemukakan representasi terhadap Perintah Tahanan tersebut kepada Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di bawah Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

**[11]** Semasa perjumpaan pada 27 April 2017 tersebut, pemohon telah mengakui memahami penerangan yang diberikan dalam Bahasa Malaysia oleh Inspektor Polis Ng Tee Yian dan terjemahan dalam Bahasa Tamil oleh Lans Koperal Rashpal Singh a/l Masa Singh mengenai isi kandungan dokumen-dokumen yang disampaikan kepada pemohon yang dinyatakan di perenggan 10(a), (b) dan (c) di atas.

**[12]** Pemohon telah menurunkan tandatangan pada muka surat dua Perintah Tahanan tersebut sebagai pengakuan bahawa pemohon telah menerima dan memahami isi kandungan Perintah Tahanan, pernyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya Perintah Tahanan tersebut dibuat dan pengatahan-pengatahan fakta yang atasnya Perintah Tahanan tersebut diasaskan serta Borang 1 (representasi berkaitan Perintah Tahanan kepada Lembaga Penasihat).

**[13]** Pemohon juga telah menurunkan tandatangan pemohon pada ruangan tandatangan di kedua-dua muka surat pada tiga salinan Borang 1 (representasi berkaitan Perintah Tahanan kepada Lembaga Penasihat) setelah diberi penerangan dalam Bahasa Malaysia oleh Inspektor Polis Ng Tee Yian dan terjemahan dalam Bahasa Tamil oleh Lans Koperal Rashpal Singh a/l Masa Singh.

**[14]** Borang 1 (representasi berkaitan Perintah Tahanan kepada Lembaga Penasihat) yang telah diisi oleh pemohon telah menunjukkan bahawa pemohon bercadang untuk hadir di hadapan Lembaga Penasihat dan tidak akan diwakili oleh peguam bela dan akan membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat dalam Bahasa Tamil.

**[15]** Pemohon yang memahami penerangan dalam Bahasa Malaysia yang telah diberikan oleh Inspektor Polis Ng Tee Yian dan terjemahan dalam Bahasa Tamil oleh Lans Koperal Rashpal Singh a/l Masa Singh telah menurunkan tandatangannya di muka surat dua Perintah Tahanan tersebut dan juga di ruangan tandatangan di kedua-dua muka surat pada tiga salinan Borang 1 (representasi berkaitan Perintah Tahanan kepada Lembaga Penasihat) dengan rela hati dan tanpa sebarang paksaan.

**[16]** Selanjutnya pemohon telah dibawa masuk ke PPA Machang, Kelantan pada 28 April 2017 (hari Khamis) iaitu sehari selepas Perintah Tahanan dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di perenggan 10(a), (b) dan (c) disampaikan kepada pemohon iaitu pada 27 April 2017.

**[17]** Semasa berada di PPA Machang, pemohon telah dibawa berjumpa dengan Penguasa / Pegawai Yang Menjaga PPA Machang iaitu Mahadzair bin Che Daud pada 30 April 2017 (hari Ahad) yang merupakan hari bekerja bagi negeri Kelantan.

**[18]** Pada perjumpaan pada 30 April 2017, Penguasa / Pegawai Yang Menjaga PPA Machang telah memberi penerangan dalam Bahasa Malaysia kepada pemohon mengenai isi kandungan Perintah Tahanan tersebut, alasan-alasanyang atasnya Perintah Tahanan tersebut dibuat, pengataaan-pengataaan fakta yang atasnya Perintah Tahanan tersebut diasaskan dan juga mengenai Borang 1 (representasi berkaitan dengan perintah tahanan kepada Lembaga Penasihat) dan penerangan tersebut telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Tamil oleh Sarjan William a/l Michael, yang turut hadir semasa perjumpaan tersebut.

**[19]** Pemohon juga telah diterangkan oleh Penguasa / Pegawai Yang Menjaga PPA Machang mengenai tujuan representasi dijalankan iaitu bagi membolehkan pemohon membuat bantahan terhadap Perintah Tahanan tersebut kepada Lembaga Penasihat.

**[20]** Pemohon juga telah diterangkan mengenai hak pemohon untuk mendapatkan khidmat peguam bela dan juga hak pemohon untuk memanggil saksi-saksi pemohon semasa persidangan di hadapan Lembaga Penasihat kelak.

**[21]** Semasa pemohon dibawa berjumpa Penguasa / Pegawai Yang Menjaga PPA Machang pada 30 April 2017, pemohon telah membawa bersamanya 1 salinan asal Perintah Tahanan tersebut serta pernyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya Perintah Tahanan tersebut dibuat dan pengataaan-pengataaan fakta yang atasnya Perintah Tahanan tersebut diasaskan serta tiga (3) salinan asal Borang 1 (representasi berkaitan dengan Perintah Tahanan kepada Lembaga Penasihat) yang telah lengkap diisi di ruangan maklumat diri pemohon dan pada ruangan representasi pemohon dan telah ditandatangani di ruangan tandatangan pada kedua-dua muka surat Borang 1 tersebut.

**[22]** Pada 30 April 2017 juga, pemohon telah menyerahkan dua salinan Borang 1 (representasi berkaitan dengan Perintah Tahanan kepada Lembaga Penasihat) kepada Penguasa / Pegawai Yang Menjaga PPA Machang untuk dikemukakan kepada Setiausaha kepada Lembaga Penasihat.

**[23]** Pada hari yang sama iaitu 30 April 2017, Penguasa / Pegawai Yang Menjaga PPA Machang telah mengemukakan dua (2) salinan Borang 1 (representasi berkaitan dengan Perintah Tahanan kepada Lembaga Penasihat) kepada Setiausaha kepada Lembaga Penasihat.

**[24]** Setiausaha kepada Lembaga Penasihat telah mengesahkan bahawa salinan Borang 1 (representasi berkaitan dengan Perintah Tahanan kepada Lembaga Penasihat) telah diterima oleh Lembaga Penasihat pada 30 April 2017.

**[25]** Satu notis pendengaran representasi bertarikh 22 Mei 2017 (Borang II) mengikut kehendak Kaedah 5(1) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 telah dikeluarkan oleh Setiausaha kepada Lembaga Penasihat kepada Penguasa / Pegawai Yang Menjaga PPA Machang untuk disampaikan kepada pemohon bagi memaklumkan pemohon mengenai tarikh, masa dan tempat Lembaga Penasihat akan bersidang untuk mendengar representasi pemohon iaitu pada 7 Jun 2017.

**[26]** Persidangan Lembaga Penasihat telah diadakan pada 7 Jun 2017 jam 9.00 pagi di PPA Machang, Kelantan dan pemohon yang hadir semasa persidangan tersebut telah ditanya oleh pihak Lembaga Penasihat sama ada ingin melantik peguam bela dan memanggil saksi semasa persidangan tersebut.

**[27]** Pemohon apabila ditanya oleh Lembaga Penasihat telah memaklumkan Lembaga Penasihat bahawa pemohon tidak diwakili oleh peguam bela dan tidak akan memanggil saksi untuk memberi keterangan di hadapan Lembaga Penyiasat dan pemohon bersedia untuk meneruskan pendengaran representasi pada persidangan tersebut.

**[28]** Persidangan Lembaga Penasihat telah dijalankan selama satu hari pada 7 Jun 2017 dan pemohon telah mengemukakan representasi yang sewajarnya kepada Lembaga Penasihat. Dalam erti kata yang lain, peluang untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat yang diperuntukkan oleh undang-undang telah digunakan oleh pemohon sepenuhnya.

**[29]** Lembaga Penasihat setelah menimbang representasi pemohon telah membuat syor dan mengemukakan syor tersebut kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (selepas ini dirujuk sebagai "SPB YDPA") pada 9 Jun 2017 mengikut kehendak subseksyen 10(1) Akta 316 dan SPB YDPA telah memperkenankan Perintah Tahanan tersebut pada 24 Jun 2017.

## ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH PEGUAM PEMOHON

**[30]** Dalam hujahan bertulis dan juga hujahan lisan oleh peguam pemohon, isu-isu berikut telah dibangkitkan:

### ISU PERTAMA

Kegagalan Warder Penjara, Mohd Ilham bin Abdullah ("Mohd Ilham") untuk menyerahkan Notis Pendengaran Representasi bertarikh 22 Mei 2017 kepada pemohon sebelum tarikh persidangan pada 7 Jun 2017 menyebabkan ketidakpatuhan prosedur di bawah Kaedah 5(1) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 ("Kaedah-Kaedah tersebut").

### ISU KEDUA

Kegagalan Pegawai Penyiasat untuk membekalkan sesalinan rakaman percakapan pemohon adalah suatu pelanggaran Artikel 151 (1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

### ISU KETIGA

Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak menjalankan tugasnya di bawah seksyen 5 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316) dengan sempurna.

## ANALISIS ISU PERTAMA

**[31]** Peruntukan seksyen 11C Akta 316 menghadkan kuasa mahkamah di dalam menimbangkan suatu kajian semula atau semakan kehakiman ke atas apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka mengikut Akta ini kepada pematuhan apa-apa kehendak tatacara di bawah Akta ini yang mengawal selia tindakan atau keputusan itu. Dalam erti kata yang lain, mahkamah ini boleh memutuskan sama ada berlakunya apa-apa ketidakpatuhan prosedur yang mengakibatkan Perintah Tahanan tersebut tidak sah dan terbatal.

**[32]** Subseksyen 11C (1) Akta 316 mempunyai peruntukan seperti berikut:

"Maka tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah akan, dan tiada mahkamah boleh mempunyai apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka mengikut Akta ini, kecuali mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak tatacara di bawah Akta ini yang mengawal selia tindakan atau keputusan itu".

**[33]** Peguam pemohon dalam hujahannya telah menyatakan berlakunya ketidakpatuhan prosedur di bawah Kaedah 5(1) Kaedah-Kaedah tersebut di mana warder penjara, Mohd Ilham bin Abdullah, gagal menyerahkan Notis Pendengaran Representasi (Borang II) bertarikh 22 Mei 2017 kepada pemohon sebelum tarikh persidangan pada 7 Jun 2017.

**[34]** Peguam pemohon selanjutnya menghujahkan isu ini dapat dilihat dalam Afidavit Jawapan, Mohd Ilham bin Abdullah, warder penjara PPA Machang, Kelantan (di perenggan 4 dan 6) yang diikrarkan pada 19 April 2018 yang menyatakan seperti berikut:

"4. Pada 22-05-2017 di PPA Machang, Kelantan, saya telah ditugaskan untuk menyampaikan kepada pemohon sesalinan Notis Pendengaran Representasi (selepas ini disebut sebagai "Borang II") di bawah Kaedah 5(1) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 (selepas ini disebut sebagai "Kaedah-Kaedah tersebut") bertarikh 22-05-2017 yang saya terima daripada Lembaga Penasihat. Saya kemudiannya telah membaca dan menjelaskan kepada pemohon dalam bahasa Malaysia yang mudah berhubung dengan Lembaga Penasihat yang akan bersidang pada 07-06-2017 jam 9.00 pagi di PPA Machang, Kelantan bagi maksud mendengar representasi pemohon berhubung dengan Perintah Tahanan yang telah dibuat terhadap pemohon. Saya juga telah membaca dan menjelaskan kepada pemohon tentang hak-hak pemohon untuk membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat dan telah menerangkan kepada pemohon bahawa pemohon boleh hadir sendiri dan berhak untuk diwakili oleh peguam bela semasa persidangan tersebut. Sesungguhnya, saya telah menggunakan bahasa Malaysia dan pemohon mengakui memahami penerangan saya.

6. Merujuk kepada perenggan 32 dan 36 Afidavit pemohon, saya menafikan dakwaan-dakwaan pemohon. Saya sesungguhnya menegaskan dengan mengulangi pernyataan saya dalam perenggan 4 dan 5 di atas dan menyatakan bahawa pemohon telah menerima salinan dan memahami isi kandungan Borang II tersebut. Saya selanjutnya menyatakan bahawa saya telah menerangkan kepada pemohon mengenai tarikh, masa dan tempat Lembaga Penasihat akan bersidang di PPA Machang, Kelantan. Pemohon sendiri mengakui faham segala yang saya terangkan kepada pemohon pada 27-09-2017 dan 10-10-2017 berkenaan isi kandungan Borang-Borang II tersebut. Oleh yang demikian, dakwaan pemohon adalah tidak benar dan tidak berasas".

**[35]** Daripada Afidavit Jawapan Mohd Ilham bin Abdullah (di perenggan 6), peguam pemohon menghujahkan bahawa Mohd Ilham bin Abdullah sepatutnya menyampaikan Borang II kepada pemohon pada 22 Mei 2017 iaitu sebelum tarikh persidangan pada 7 Jun 2017. Namun demikian, Borang II tersebut telah disampaikan dan diterangkan kepada pemohon pada 27 September 2017 dan 10 Oktober 2017 (tarikh-tarikh selepas persidangan Lembaga Penasihat pada 7 Jun 2017). Ini menunjukkan pemohon tidak mendapat notis Borang II sebelum tarikh pendengaran persidangan Lembaga Penasihat.

**[36]** Sebaliknya Peguam Persekutuan bagi pihak responden menghujahkan bahawa dakwaan peguam pemohon adalah tidak berasas kerana semua prosedur di bawah Kaedah 5(1) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 telah dipatuhi dengan sempurna oleh pihak responden.

**[37]** Kaedah 5(1) Kaedah-Kaedah tersebut mempunyai peruntukan seperti berikut:

- (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta, apabila apa-apa representasi diterima oleh Setiausaha, Pengerusi hendaklah menetapkan suatu masa dan tempat bagi representasi itu dipertimbangkan oleh Lembaga dan hendaklah menyebabkan suatu notis mengenainya dalam Borang II didalam Jadual disampaikan kepada orang tahanan dan peguam belanya jika peguam bela itu ada dinamakan dalam Borang 1.

**[38]** Dengan hormatnya, mahkamah ini bersetuju dengan hujahan Peguam Persekutuan bahawa tarikh-tarikh yang dinyatakan di perenggan 6 Afidavit Jawapan Mohd Ilham bin Abdullah iaitu 27 September 2017 dan 10 Oktober 2017 adalah tarikh-tarikh yang tidak material atau berkaitan langsung dengan kes pemohon dan dimasukkan akibat kesilapan perkeranian (typographical error) dan tidak memprejudikan pemohon.

**[39]** Persidangan Lembaga Penasihat telah diadakan pada 7 Jun 2017 jam 9.00 pagi di PPA Machang, Kelantan dan pemohon telah hadir dan membuat representasi kepada Lembaga Penasihat. Borang 1 (representasi berkaitan Perintah Tahanan kepada Lembaga Penasihat) yang telah diisi oleh pemohon mengesahkan pemohon akan hadir di hadapan Lembaga Penasihat untuk pendengaran representasi pemohon [sila rujuk perenggan 7 - 12 dan Ekshibit "R-1" dalam Afidavit Jawapan Redman bin Safar, Setiausaha kepada Lembaga Penasihat, yang diikrarkan pada 4 Mei 2018].

**[40]** Borang II (Notis Pendengaran Representasi) bertarikh 22 Mei 2017 yang dikeluarkan oleh Lembaga Penasihat telah dihantar kepada PPA Machang, Kelantan pada 22 Mei 2017 untuk disampaikan kepada pemohon bagi memaklumkan pemohon tarikh, masa dan tempat Lembaga Penasihat akan bersidang [sila rujuk perenggan 5 - 6 dan Ekshibit "R-2" dalam Afidavit Jawapan Redman bin Safar, Setiausaha kepada Lembaga Penasihat yang diikrarkan pada 4 Mei 2018].

**[41]** Hanya satu Borang II (notis pendengaran representasi) bertarikh 22 Mei 2017 yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Penasihat. Juga Lembaga Penasihat telah bersidang sekali sahaja iaitu pada 7 Jun 2017 dan persidangan tersebut telah dihadiri oleh pemohon yang telah membuat representasi yang sewajarnya.

**[42]** Mohd Ilham bin Abdullah, warder penjara PPA Machang, Kelantan telah menyampaikan Borang II (Notis Pendengaran Representasi) kepada pemohon pada 22 Mei 2017, yang bertujuan memaklumkan pemohon mengenai tarikh persidangan Lembaga Penasihat pada 7 Jun 2017 jam 9.00 pagi. Rujukan boleh dibuat kepada perenggan 4, 5 dan 7 dan juga Ekshibit "M-1" Afidavit Jawapan Mohd Ilham bin Abdullah yang telah diikrarkan pada 19 April 2018.

**[43]** Tarikh 27 September 2017 dan 10 Oktober 2017 yang disebutkan oleh Mohd Ilham bin Abdullah di perenggan 6 Afidavit Jawapan beliau adalah tarikh yang tiada kena mengena atau berkaitan dengan tarikh

persidangan Lembaga Penasihat pada 7 Jun 2017. Kedua-dua tarikh tersebut adalah selepas tarikh persidangan Lembaga Penasihat yang telah diadakan pada 7 Jun 2017.

**[44]** Sarjan William a/l Michael, jurubahasa Tamil yang ditugaskan membantu pemohon semasa persidangan Lembaga Penasihat telah menyatakan persidangan Lembaga Penasihat telah diadakan pada 7 Jun 2017 di PPA Machang, Kelantan. Dalam Afidavit Jawapan beliau yang diikrarkan pada 4 Mei 2018 (di perenggan 11, 12, 13, 14, 15 dan 16), beliau telah menyatakan seperti berikut:

"11. Representasi pemohon telah didengar oleh Lembaga Penasihat pada 07-06-2017 jam 9.00 pagi di PPA Machang, Kelantan. Saya telah hadir dan ditugaskan sebagai jurubahasa Tamil di sepanjang persidangan representasi tersebut dan adalah menjadi kewajipan saya untuk menterjemahkan segala prosiding pendengaran representasi ke Bahasa Tamil kepada pemohon.

12. Sebelum penterjemahan dilakukan saya berbual-bual dahulu dengan pemohon di dalam bahasa Tamil untuk memastikan beliau faham bahasa Tamil tersebut. Setelah saya berpuas hati pemohon faham bahasa Tamil yang saya gunakan, saya telah memaklumkan kepada Lembaga Penasihat bahawa pemohon faham bahasa Tamil yang saya gunakan. Selanjutnya, saya telah membuat penterjemahan prosiding representasi pemohon berkaitan dengan Perintah Tahanan yang telah dibuat terhadapnya dan saya telah membuat penterjemahan segala penerangan Setiausaha Lembaga Penasihat berkenaan hak pemohon untuk memanggil saksi-saksi dan melantik peguam bela. Seterusnya, saya telah membuat penterjemahan prosiding representasi pemohon berkaitan dengan Perintah Tahanan yang telah dibuat terhadapnya. Saya sesungguhnya menegaskan pemohon memahami terjemahan yang saya lakukan. Sesungguhnya tiada pelanggaran kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Akta tersebut serta Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat.

13. Saya sesungguhnya menegaskan bahawa sewaktu pendengaran representasi pemohon pada 07-06-2017 jam 9.00 pagi di PPA Machang, Kelantan, saya telah menerangkan kepada pemohon berkenaan hak-hak pemohon untuk melantik peguam bela dan hak-hak pemohon untuk memanggil saksi-saksi semasa persidangan di hadapan Lembaga Penasihat. Sebelum prosiding representasi dijalankan, saya telah bertanya kepada pemohon sama ada pemohon akan diwakili mana-mana peguam bela. Pemohon mengatakan bahawa pemohon tidak diwakili peguam bela. Selanjutnya, pemohon juga telah ditanya sama ada pemohon ingin memanggil saksi. Pemohon memberitahu bahawa pemohon tidak mempunyai saksi.

14. Seterusnya, saya sesungguhnya menyatakan bahawa pemohon telah dimaklumkan bahawa pemohon berhak untuk membuat representasi berhubung Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh Dato Masir Anak Kujat di hadapan Lembaga Penasihat dan pemohon telah pun menggunakan peluang representasi tersebut dengan baik dan sempurna tanpa memprejudiskan hak pemohon yang dilindungi di bawah Perlembagaan Persekutuan.

15. Saya sesungguhnya menegaskan pemohon memahami penerangan yang saya lakukan. Sesungguhnya tiada pelanggaran kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Akta tersebut serta Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat. Saya ingin menegaskan bahawa pemohon telah dimaklumkan bahawa beliau berhak untuk melantik peguam bela bagi mewakili beliau semasa persidangan representasi di hadapan Lembaga Penasihat.

16. Saya sesungguhnya menyatakan dengan suci hati bahawa segala kehendak di bawah peruntukan Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat dan Perlembagaan Persekutuan telah dipatuhi dengan sempurna dengan mengambil kira keterangan-keterangan yang tepat dan benar".

**[45]** Selanjutnya Setiausaha kepada Lembaga Penasihat (Redman bin Safar) dalam Afidavit Jawapannya yang diikrarkan pada 4 Mei 2018 (di perenggan 13 dan 15) telah menyatakan seperti berikut:

"13. Saya menyatakan bahawa pada 09-06-2017, setelah menimbang representasi yang dibuat oleh pemohon, Lembaga Penasihat telah membuat syor-syornya mengenai representasi pemohon kepada Yang Di-Pertuan Agong menurut seksyen 10(1) Akta tersebut. Selanjutnya, setelah menimbang syor-syor Lembaga Penasihat tersebut pada 24-06-2017, Yang Di-Pertuan Agong telah memperkenankan syor-syor Lembaga Penasihat tersebut. Saya tidak dapat menzahirkan syor-syor yang dibuat oleh Lembaga Penasihat kerana berpendapat dengan berbuat demikian, ia adalah bertentangan dengan kepentingan negara menurut seksyen 14 Akta tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan undang-undang tersebut.

15. Saya mengesahkan bahawa Borang 1 dan Borang-Borang II tersebut telah diserahkan dengan secukupnya kepada pemohon. Peluang membuat representasi yang efektif semasa persidangan representasi pemohon pada 07-06-2017 telah diberikan kepada pemohon sepenuhnya tanpa memprejudiskan hak pemohon. Saya sesungguhnya juga ingin menyatakan bahawa Kaedah 10 Kaedah-Kaedah tersebut, pihak Lembaga Penasihat mempunyai kuasa untuk menentukan tatacara dan pengendalian prosiding pendengaran representasi pemohon".

**[46]** Dalam dapatan mahkamah ini, kedua-dua tarikh (27 September 2017 dan 10 Oktober 2017) yang dinyatakan dalam perenggan 6 Afidavit Jawapan Mohd Ilham bin Abdullah adalah tarikh-tarikh selepas Lembaga Penasihat mengemukakan syor kepada SPB YDPA dan juga selepas tarikh SPB YDPA memperkenankan syor Lembaga Penasihat. Justeru, adalah tidak munasabah bagi Mohd Ilham bin Abdullah, warder penjara memberi penerangan kepada pemohon pada tarikh-tarikh tersebut, walhal persidangan Lembaga Penasihat telah pun diadakan pada 7 Jun 2017 di PPA Machang, Kelantan. Hujahan peguam pemohon boleh diterima jika terdapat Persidangan Lembaga Penasihat selepas 27 September 2017 atau 10 Oktober 2017. Oleh kerana Persidangan Lembaga Penasihat hanya diadakan pada 7 Jun 2017 sahaja, hujahan peguam pemohon tidak dapat diterima oleh mahkamah ini.

**[47]** Lagi pula mengikut Ekshibit "M-1" dalam Afidavit Jawapan Mohd Ilham bin Abdullah dan Ekshibit "R-2" dalam Afidavit Jawapan Redman bin Safar, hanya satu Borang II (notis pendengaran representasi) bertarikh 22 Mei 2017 yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Penasihat untuk disampaikan kepada pemohon. Manakala menurut perenggan 6 Afidavit Jawapan Mohd Ilham bin Abdullah, ianya dinyatakan "pemohon sendiri mengakui faham segala yang saya terangkan kepada pemohon pada 27-09-2017 dan 10-10-2017 berkenaan isi kandungan Borang-Borang II tersebut". Ini jelas menunjukkan terdapat kesilapan pada tarikh-tarikh yang disebutkan tadi dan juga hanya satu Borang II (notis pendengaran representasi) yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Penasihat (bukannya lebih daripada satu Borang II).

**[48]** Peguam Persekutuan selanjutnya menghujahkan bahawa kedua-dua tarikh tersebut adalah kesilapan perkeranian dan ianya tidak memprejudiskan pemohon. Tarikh persidangan sebenar Lembaga Penasihat ialah pada 7 Jun 2017 jam 9.00 pagi di PPA Machang, Kelantan dan pemohon telah hadir semasa persidangan tersebut dan telah membuat representasi yang sewajarnya kepada Lembaga Penasihat.

**[49]** Peguam Persekutuan juga telah merujuk kepada beberapa keputusan mahkamah mengenai kesilapan dalam afidavit yang boleh berlaku dan kesilapan tersebut tidak mendatangkan apa-apa prejudis atau menjejaskan pemohon.

**[50]** Dalam kes *Tay Lay Beng v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [2004] 8 CLJ 674, Balia Yusof Wahi JC (pada ketika itu) di m.s. 680-681, telah memutuskan seperti berikut:

"In my considered view, having perused the facts stated in para. 3 of the affidavit in encl. 7 and exh. "WAN 1" accompanying it and as against the whole background of the case and all the other facts which are gathered from the affidavits filed in this application, I hold that the mistake as to the date in para. 3 of encl. 7 is not material and is not prejudicial to the applicant. I accept it as an established fact that the applicant was arrested on 26 March 2003 and clearly the date 10 August 2001 in the said para. 3 is a typographical error at the most.....From the above set of facts it is beyond doubt that the applicant was arrested on 26 March 2003 at 4.30 pm and that the report of the circumstances of his arrest was made to the designated officer under s.3(3)(c) of the Ordinance on 23 April 2003 and in accordance with the provision of the law...I am satisfied that having considered all the evidence before me, the applicant's objection to the misstatement on the date 10 August 2001 is a typographical error in the affidavit encl. 7, and there is ample evidence to prove the applicant was arrested on 26 March 2003".

**[51]** Dalam kes *Public Prosecutor v. Chean Hua Sey & Ors* [2008] 9 CLJ 657, Abang Iskandar JC (pada ketika itu) di m.s. 686 telah memutuskan seperti berikut:

"And lastly, I had ruled that on the totality of the available evidence before me in the various affidavits filed in these applications, the words "Timbalan Menteri" which had appeared at the various identified places in the related documents had been mere typographical errors. There was nothing sinister about them in the sense that none of the applicants had been prejudiced by such errors and as such, in the circumstances of this case, the said errors were innocuous".

**[52]** Dalam dapatan mahkamah ini, kesilapan pada tarikh-tarikh yang disebutkan dalam Afidavit Jawapan Mohd Ilham bin Abdullah, warder penjara PPA Machang, adalah tidak terjumlah kepada ketidakpatuhan prosedur mandatori, bagi maksud seksyen 11C Akta 316 tersebut. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2005] 3 CLJ 914 di m.s. 929, telah memutuskan seperti berikut:

"The cases appear to show that there were various grounds on which the detention orders were challenged of which mala fide appears to be the most important ground. Courts appears to have placed lesser importance on procedural

non-compliance unless the requirement is mandatory in nature. The amendments appear to have reversed the position and in so doing limited the ground to only one ie. non-compliance with procedural requirements".

Selanjutnya di m.s. 930, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the courts to apply them. So, in habeas corpus application where the detention order of the Minister made under s. 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent ss. in ISA 1960 and DD(SPM) Act 1985, the first thing that the courts should do is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that can be non-compliance thereof and only then the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance".

**[53]** Mahkamah Persekutuan dalam kes *Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Ong Beng Chuan* [2006] 4 CLJ 703, di m.s. 712 telah memutuskan seperti berikut:

"However it must be observed that the power of the court to intervene is limited to only matters of compliance with procedural requirements by section 11C(1) of the Act which reads as follows:

There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with this Act, save in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.

It is clear that the section restricts judicial review to only questions on compliance with any procedural requirement governing any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power. Such procedural requirements can only be ones that will go to the root of the matter and be of direct relevance to the making of the detention order. The section only refers to a question of compliance with procedural requirements without subjecting it to any prejudice having been suffered. The test, therefore, in determining whether a breach can be subjected to judicial review is whether it is in compliance with any procedural requirement governing any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with the Act without the need to establish any prejudice. Such a determination will be greatly facilitated, though not decisively, by a consideration of the effect of the statutory provision that has been breached, that is to say, whether it is mandatory or directory in nature".

**[54]** Dalam dapatan mahkamah ini, tidak terdapat apa-apa ketidakpatuhan prosedur mandatori di bawah Kaedah 5(1) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 yang telah dilakukan oleh pihak responden. Semua prosedur mandatori menurut peruntukan Kaedah 5(1) Kaedah-Kaedah tersebut telah dipatuhi dengan sewajarnya oleh pihak responden.

**[55]** Mahkamah ini menerima perenggan 7 Afidavit Jawapan Mohd Ilham bin Abdullah, warden penjara yang diikrarkan pada 19 April 2018 yang menyatakan seperti berikut:

"7. Sesungguhnya, tiada pelanggaran terhadap Kaedah-Kaedah tersebut dan proses penyerahan Borang II tersebut telah dibuat dengan suci hati dan semua prosedur dan peruntukan undang-undang telah dipatuhi dengan sempurna."

**[56]** Justeru, berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, isu pertama yang dibangkitkan oleh peguam pemohon adalah ditolak.

## **ANALISIS ISU KEDUA**

**[57]** Peguam pemohon telah membangkitkan isu mengenai kegagalan pegawai penyiasat polis untuk membekalkan sesalinan rakaman percakapan pemohon apabila diminta oleh pemohon kepada pegawai penyiasat polis.

**[58]** Peguam pemohon menghujahkan bahawa Perkara 151(1) (a) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan pemohon diberikan peluang untuk membuat representasi terhadap Pemerintah Tahanan dan pemohon berhak untuk mendapatkan sesalinan rakaman percakapan pemohon supaya pemohon dapat

menyediakan pembelaan dengan sempurna. Hak ini juga adalah selaras dengan prinsip-prinsip keadilan asasi.

**[59]** Sebaliknya pihak responden menghujahkan bahawa pemohon tidak berhak untuk mendapatkan rakaman percakapan pemohon. Selanjutnya, isu ini juga telah dinafikan oleh pihak responden melalui Afidavit Jawapan Inspektor Polis Ng Tee Yian yang diikrarkan pada 4 Mei 2018 (di perenggan 27). Pemohon juga tidak ada membuat permohonan rasmi bertulis kepada Penguasa / Pegawai Yang Menjaga PPA Machang atau pihak KDN atau TMDN untuk mendapatkan salinan rakaman percakapan pemohon.

**[60]** Dalam dapatan mahkamah ini, pemohon tidak mempunyai hak di sisi undang-undang untuk mendapatkan salinan rakaman percakapan pemohon kerana ianya tidak diperuntukkan di bawah mana-mana peruntukan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 atau Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987.

**[61]** Mahkamah ini juga berpendapat rakaman percakapan pemohon bukan merupakan dokumen yang perlu dikemukakan kepada pemohon menurut subseksyen 9(2)(b) Akta 316 yang diperuntukkan seperti berikut:

(2) Bagi maksud membolehkan seseorang membuat representasi di bawah subseksyen (1) dia hendaklah, pada masa disampaikan kepadanya perintah itu-

- (a) diberitahu haknya membuat representasi kepada suatu Lembaga Penasihat di bawah subseksyen (1); dan
- (b) diberi oleh Menteri suatu pernyataan bertulis-
  - (i) mengenai alasan yang atasnya perintah itu dibuat;
  - (ii) mengenai pengatahan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan; dan
  - (iii) mengenai butir-butir lain, jika ada, yang pada pendapat Menteri mungkin diperlukan dengan munasabahnya oleh orang itu untuk membuat representasinya terhadap perintah itu kepada Lembaga Penasihat.

**[62]** Begitu juga, rakaman percakapan pemohon juga bukan merupakan dokumen yang perlu dikemukakan kepada pemohon menurut Perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan yang diperuntukkan seperti berikut:

151. (1) Jika mana-mana undang-undang atau ordinar yang dibuat atau dimasyhurkan menurut Bahagian ini membuat peruntukan bagi tahanan pencegahan-

- (a) pihak berkuasa yang atas perintahnya mana-mana orang ditahan di bawah undang-undang atau ordinar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu orang itu alasan dia ditahan dan, tertakluk kepada Fasal (3), pengatahan fakta yang berasaskannya perintah itu dibuat, dan hendaklah memberikan peluang kepadanya untuk membuat representasi terhadap perintah itu dengan seberapa segera yang boleh."

**[63]** Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* (supra) di m.s. 930, telah memutuskan seperti berikut:

"To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that can be non-compliance thereof and only then the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance".

**[64]** Peguam pemohon telah merujuk kepada beberapa keputusan mahkamah yang telah memutuskan pemohon berhak diberi salinan rakaman percakapan apabila diminta secara bertulis oleh pemohon. Kes-kes yang dirujuk oleh peguam pemohon adalah seperti berikut:

- i. *Ismail bin Yaakub v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & 2 lagi* Permohonan Jenayah No. WA-44-118-08/2017 [Mahkamah Tinggi];

- ii. *Mohd Najib Yusof v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia, dan Penguasa Kanan, Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam* [2016] 1 LNS 374 [Mahkamah Tinggi];
- iii. *Hamsyaini Hamzah v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan Penguasa Kanan, PPA Simpang Renggam, Johor* [2016] 1 LNS 1724 [Mahkamah Tinggi]; dan
- iv. *Nathan a/l Vijayan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Anor* [Permohonan Jenayah No. 44-200-12/2016 [Mahkamah Tinggi].

Rujukan juga boleh dibuat kepada kes *Shahrul Salleh v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia, Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan dan Ketua Polis Negara* [2017] 1 LNS 1295 [Mahkamah Tinggi] dan *Nagarajan a/l Balakishnan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2017] 1 MLJU 1653 [Mahkamah Tinggi].

**[65]** Sebaliknya Peguam Persekutuan yang menghujahkan pemohon tidak berhak mendapat salinan rakaman percakapan pemohon, atas alasan ketiadaan peruntukan undang-undang yang membenarkan sedemikian, telah merujuk kepada keputusan kes-kes berikut:

- i. *Rajasakanan a/l Narayanasay v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & 2 Lagi Rayuan Jenayah No. 05-1-01/2017 (B)* [keputusan Mahkamah Persekutuan]; dan
- ii. *Yap Ser Yong v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & 2 lagi Rayuan Jenayah No: 05-30-02/2018(B)* [keputusan Mahkamah Persekutuan].

Rujukan juga boleh dibuat kepada kes *Lee Kek Keong v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & 2 lagi Rayuan Jenayah No: 05-36-02/2018(B)* [keputusan Mahkamah Persekutuan] dan *Menteri Dalam Negeri Malaysia & 2 lagi v. Nagarajan a/l Balakishnan Rayuan Jenayah No: 05-221-09/2017(B)* [keputusan Mahkamah Persekutuan].

**[66]** Dengan hormatnya, mahkamah ini bersetuju dengan hujahan Peguam Persekutuan mengenai isu rakaman percakapan pemohon dan selanjutnya sepertimana yang dihujahkan oleh Peguam Persekutuan, mahkamah ini terikat dan akur dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes-kes berkenaan mengenai isu ini.

**[67]** Justeru, berdasarkan alasan-alasan di atas, isu kedua yang dibangkitkan oleh peguam pemohon juga ditolak oleh mahkamah ini.

### **ANALISIS ISU KETIGA**

**[68]** Peguam pemohon menghujahkan bahawa Pegawai Siasatan KDN hendaklah mengkaji laporan lengkap siasatan daripada pegawai penyiasat sebelum menjalankan siasatan inkuiri terhadap pemohon.

**[69]** Peguam pemohon menghujahkan bahawa niat Parlimen yang termaktub di bawah subseksyen 5(2) Akta 316 adalah bertujuan untuk Pegawai Siasatan KDN yang menerima laporan lengkap siasatan daripada pegawai penyiasat dapat mengkaji terlebih dahulu hasil siasatan sebelum berjumpa dengan pemohon.

**[70]** Peguam pemohon juga menghujahkan bahawa Pegawai Siasatan KDN langsung tidak mengkaji laporan lengkap siasatan daripada pegawai penyiasat sebelum berjumpa dengan pemohon pada 17 April 2017. Oleh yang demikian, laporan yang disediakan oleh Pegawai Siasatan KDN di bawah subseksyen 5(4) Akta adalah defektif dan menyebabkan Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh TMDN juga defektif.

**[71]** Sebaliknya, Peguam Persekutuan bagi pihak responden menghujahkan bahawa Pegawai Siasatan KDN telah menjalankan tugasnya dengan teliti menurut kehendak subseksyen 5(2) Akta 316. Pegawai Siasatan KDN telah merujuk dan menimbang semua keterangan saksi-saksi yang berkaitan dalam kes ini serta keterangan pemohon dan memutuskan terdapat alasan-alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pemohon pernah ada kaitan dengan aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya.

**[72]** Seksyen 5 Akta 316 tersebut mempunyai peruntukan seperti berikut:

- (1) Maka hendaklah dilantik oleh Menteri secara bertulis seberapa banyak Pegawai Siasatan yang perlu bagi maksud Akta ini:

- Dengan syarat bahawa seseorang pegawai polis atau seseorang yang tidak mempunyai ke-  
layakan undang-undang tidak boleh dilantik sebagai seorang Pegawai Siasatan.
- (2) Apabila diterimanya laporan di bawah subseksyen 3(3), Pegawai Siasatan hendaklah menyiasat sama ada terdapat alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang itu pernah ada atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya.
  - (3) Seseorang Pegawai Siasatan boleh, mengikut budi bicaranya, bagi maksud subseksyen (2) -
    - (a) menghendaki seseorang yang ditahan di bawah seksyen 3 hadir di hadapannya;
    - (b) mendapatkan dan menerima semua keterangan, sama ada lisan atau bertulis dan sama ada keterangan itu boleh diterima atau tidak di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa berhubung dengan keterangan atau tatacara jenayah, yang difikirkannya perlu atau dikehendaki;
    - (c) memanggil dan memeriksa saksi yang telah bersumpah atau berikrar, dan boleh bagi maksud itu mengendalikan sumpah atau ikrar;
    - (d) menghendaki supaya dikemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang pada pendapatnya berkaitan kepada kes itu.
  - (4) Seseorang Pegawai Siasatan hendaklah mengemukakan laporannya secara bertulis kepada Menteri dalam tempoh yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

**[73]** Dalam dapatan mahkamah ini, dakwaan peguam pemohon adalah tidak berasas dan dinafikan oleh pihak responden kerana Pegawai Siasatan KDN dalam Afidavit Jawabannya yang diikrarkan pada 13 April 2018 (di perenggan 5 - 11) telah menyatakan seperti berikut:

"5. Setelah menerima laporan lengkap penyiasatan yang dibuat oleh pegawai polis yang membuat siasatan di bawah seksyen 3(3) Akta tersebut berkaitan dengan orang yang ditangkap di bawah seksyen 3(1) Akta tersebut, seorang Pegawai Siasatan hendaklah mengikut seksyen 5(2) Akta tersebut menyiasat sama ada terdapat alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang itu pernah ada atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya dan hendaklah mengemukakan laporan secara bertulis kepada Menteri Dalam Negeri.

6. Pada 11-04-2017, saya telah menerima laporan lengkap penyiasatan berkaitan dengan pemohon oleh pegawai polis yang membuat siasatan menurut seksyen 3(3) Akta tersebut iaitu Inspektor Polis Ng Tee Yian berkaitan dengan Jayaganesan a/l Ramakrishnan iaitu pemohon. Laporan lengkap penyiasatan tersebut yang dibuat di bawah seksyen 3(3) Akta tersebut mengandungi antara lain pengataan-pengataan yang telah dirakamkan daripada saksi-saksi termasuk pemohon.

7. Pada 17-04-2017 jam 12.45 tengahari, saya telah menjalankan siasatan secara fizikal terhadap pemohon di Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh, Pahang menurut seksyen 5(2) Akta tersebut. Di dalam siasatan tersebut, pemohon telah hadir dan pemohon juga telah diberi peluang untuk memberikan keterangan tanpa sebarang paksaan.

8. Sebelum memulakan siasatan, saya telah terlebih dahulu memperkenalkan diri saya dan berbual-bual dengan pemohon dalam bahasa Malaysia. Saya telah bertanya kepada pemohon sama ada pemohon memahami bahasa Malaysia yang saya gunakan. Pemohon memaklumkan bahawa pemohon memahami bahasa Malaysia yang saya gunakan dan pemohon fasih berbahasa Tamil. Kemudian saya bertanya kepada pemohon sama ada pemohon memerlukan khidmat jurubahasa, pemohon memaklumkan bahawa beliau memerlukan khidmat jurubahasa Tamil. Oleh itu, saya telah meminta bantuan Lans Koperal Anantha Kumar a/l Muthusamy untuk menterjemahkan penerangan-penerangan saya kepada Pemohon dari bahasa Malaysia ke dalam bahasa Tamil. Sebelum bermula, Lans Koperal Anantha Kumar a/l Muthusamy telah berbual-bual terlebih dahulu dengan pemohon dan mendapati pemohon fasih bahasa Tamil yang beliau gunakan.

9. Seterusnya, saya telah bertanya kepada pemohon melalui perantaraan Lans Koperal Anantha Kumar a/l Muthusamy dalam terjemahan bahasa Tamil sama ada pemohon mengetahui tujuan siasatan dilakukan, dan Lans Koperal Anantha Kumar a/l Muthusamy telah memaklumkan kepada saya bahawa pemohon tidak mengetahuinya. Oleh itu, melalui perantaraan Lans Koperal Anantha Kumar a/l Muthusamy dalam terjemahan bahasa Tamil, saya menerangkan kepada pemohon bahawa tujuan siasatan ini dijalankan untuk mendapatkan keterangan daripada pemohon sendiri berdasarkan seksyen 5(2) dan 5(3) Akta tersebut, berkenaan penglibatan pemohon dalam mana-mana aktiviti berhubung dengan pengedaran dadah berbahaya. Saya juga menerangkan keterangan yang pemohon berikan dalam siasatan ini akan mengikat pemohon pada masa akan datang. Seterusnya, Lans Koperal Anantha Kumar a/l Muthusamy telah memaklumkan kepada saya bahawa pemohon mengakui memahami terjemahan yang beliau lakukan. Pemohon mengakui memahami penerangan saya dan akan memberi keterangan dengan rela hati. Sepanjang siasatan tersebut, pemohon telah diberikan peluang untuk memberikan keterangan tanpa menggunakan sebarang paksaan.

10. Setelah mendengar dan menimbangkan keterangan yang dikemukakan oleh pemohon, dan setelah meneliti laporan lengkap penyiasatan yang dikemukakan oleh Inspektor Polis Ng Tee Yian berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pemohon berhubung dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, saya kemudiannya telah menyerahkan satu laporan bertulis kepada Dato Masir Anak Kujat di mana saya menyatakan bahawa berdasarkan kepada laporan lengkap bertulis oleh pihak polis dan siasatan fizikal ke atas pemohon yang telah saya jalankan itu, saya telah berpuas hati bahawa terdapat alasan-alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pemohon pernah ada kaitan dengan aktiviti-aktiviti yang berhubung dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya.

11. Seterusnya pada 18-04-2017, saya telah mengemukakan laporan lengkap kepada Dato Masir Anak Kujat bagi mematuhi seksyen 5(4) Akta tersebut. Saya tidak melampirkan laporan tersebut sebagai ekshibit kerana saya berpendapat bahawa pengemukaan laporan tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan negara menurut seksyen 14 Akta tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan undang-undang tersebut".

**[74]** Berdasarkan peruntukan subseksyen 5(2) Akta 316 tersebut, Peguam Persekutuan menghujahkan bahawa tugas dan tanggungjawab Pegawai Siasatan KDN adalah untuk menjalankan siasatan ke atas pemohon bagi memutuskan sama ada terdapat alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa pemohon pernah ada atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya.

**[75]** Selanjutnya, Peguam Persekutuan berhujah bahawa Pegawai Siasatan KDN boleh, mengikut budi bicaranya, bagi maksud seksyen 5(2) Akta 316 tersebut menggunakan alternatif-alternatif yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(3) Akta tersebut. Pegawai Siasatan tidaklah terhad untuk menggunakan alternatif yang dinyatakan di bawah subseksyen 5(3) tersebut memandangkan subseksyen berkenaan menggunakan perkataan "boleh" dan kebebasan diberi kepada Pegawai Siasatan KDN sama ada untuk menggunakan kesemua alternatif yang disediakan atau memilih salah satu atau langsung tidak menggunakan mana-mana alternatif tersebut.

**[76]** Dengan hormatnya, mahkamah ini bersetuju dengan hujahan Peguam Persekutuan bahawa Pegawai Siasatan KDN telah menjalankan tugasnya dengan teratur bagi mencapai maksud di bawah subseksyen 5(2) Akta tersebut. Pegawai Siasatan KDN telah merujuk dan menerima semua keterangan saksi-saksi yang berkaitan serta keterangan pemohon dan memutuskan bahawa terdapat alasan-alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pemohon pernah ada kaitan dengan aktiviti yang berhubung dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya.

**[77]** Mahkamah ini menerima perenggan 15, 17, 18 dan 19 Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Dzul Iswari bin Mohd Jaafar Pegawai Siasatan KDN pada 13 April 2018 yang menyatakan seperti berikut:

"15. Merujuk kepada perenggan 22, 23 dan 30 Afidavit Pemohon, saya menafikan dakwaan-dakwaan Pemohon. Saya sesungguhnya mengulangi pernyataan-pernyataan saya di perenggan 5 hingga 10 di atas dan menegaskan bahawa saya telah menjalankan siasatan secara fizikal terhadap Pemohon. Dalam siasatan, saya tidak hanya bergantung semata-mata kepada maklumat dan percakapan yang dibuat oleh pihak polis. Dalam siasatan tersebut, saya telah mengambil dan merekod keterangan Pemohon di dalam laporan saya. Saya menegaskan bahawa saya telah merujuk keterangan-keterangan saksi yang berkaitan dalam kes ini. Sesungguhnya, setelah mendengar dan menimbangkan keterangan yang dikemukakan oleh Pemohon dan juga setelah meneliti laporan lengkap penyiasatan yang dikemukakan oleh Inspektor Polis Ng Tee Yian berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Pemohon berhubung dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, saya telah menyediakan satu laporan bertulis kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang menyatakan bahawa berdasarkan laporan lengkap bertulis oleh pihak polis dan siasatan ke atas Pemohon yang telah dijalankan itu, saya telah berpuas hati bahawa terdapat alasan-alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa Pemohon mempunyai dan pernah ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya. Justeru itu, dakwaan Pemohon bahawa saya tidak membuat apa-apa siasatan langsung dan hanya bergantung kepada pendapat pihak polis dan keterangan-keterangan pihak ketiga adalah dengan ini dinafikan sekeras-kerasnya.

17. Merujuk kepada perenggan 25 dan 26 Afidavit Pemohon, saya menafikan dakwaan Pemohon dan sesungguhnya mengulangi pernyataan-pernyataan dalam perenggan 6 hingga 10 di atas. Saya telah mengemukakan laporan lengkap kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri bagi mematuhi seksyen 5(4) Akta tersebut pada 18-4-2017. Saya tidak melampirkan laporan tersebut sebagai ekshibit kerana saya berpendapat bahawa pengemukaan laporan tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan Negara menurut seksyen 14 Akta tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan undang-undang tersebut. Saya sesungguhnya menegaskan bahawa laporan tersebut telah disediakan dengan lengkap, efektif dan sempurna.

18. Merujuk kepada perenggan 26 Afidavit Pemohon, saya menafikan dakwaan-dakwaan Pemohon. Saya sesungguhnya mengulangi pernyataan-pernyataan saya di perenggan 4 hingga 10 di atas dan menegaskan bahawa saya telah menjalankan siasatan secara fizikal terhadap Pemohon. Dalam siasatan tersebut, saya telah mengambil dan merekod keterangan Pemohon di dalam laporan saya. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa Pemohon mengaku terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah. Saya tidak melampirkan laporan tersebut sebagai ekshibit kerana saya berpendapat bahawa pengemukaan laporan tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan negara menurut seksyen 14 Akta tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan.

19. Sesungguhnya tindakan saya dalam menjalankan siasatan secara fizikal terhadap Pemohon adalah dibuat dengan suci hati dan telah mematuhi semua peruntukan undang-undang."

**[78]** Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Pegawai Siasatan KDN telah disokong oleh Lans Koperal Anantha Kumar a/l Muthusamy, Jurubahasa Tamil. Dalam Afidavit Jawapannya (di perenggan 5, 6, 7 dan 8) yang diikrarkan pada 4 Mei 2018 telah menyatakan seperti berikut:

"5. Saya dengan sesungguhnya menyatakan bahawa pada 11-04-2017, di Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh, Pahang saya telah membantu Dzul Iswari bin Mohd Jaafar untuk bertindak sebagai jurubahasa Tamil sepanjang sesi siasatan dijalankan ke atas Pemohon. Untuk memastikan Pemohon faham, saya telah berbual-bual dahulu dengan Pemohon di dalam bahasa Tamil dan didapati bahawa Pemohon memahami bahasa Tamil yang saya gunakan dan Pemohon sendiri memilih untuk bertutur dalam bahasa Tamil sepanjang siasatan dijalankan.

6. Saya kemudiannya telah menterjemahkan segala pertanyaan yang diajukan oleh Dzul Iswari bin Mohd Jaafar kepada Pemohon daripada bahasa Malaysia ke dalam bahasa Tamil. Seterusnya, saya telah menterjemahkan kembali segala jawapan yang diberi oleh Pemohon daripada bahasa Tamil ke dalam bahasa Malaysia kepada Dzul Iswari bin Mohd Jaafar. Saya sesungguhnya menyatakan saya telah menggunakan bahasa Tamil dan Pemohon mengakui memahami dan Pemohon boleh berkomunikasi dengan saya dalam bahasa Tamil dengan sempurna. Saya juga sesungguhnya memahami bahasa Tamil yang Pemohon gunakan.

7. Merujuk kepada perenggan 18 dan 19 dalam Afidavit Pemohon, saya menafikan sekeras-kerasnya dakwaan-dakwaan Pemohon. Saya sesungguhnya menegaskan dengan mengulangi pernyataan saya dalam perenggan 5 dan 6 di atas. Saya dengan sesungguhnya menyatakan bahawa saya telah membantu Dzul Iswari bin Mohd Jaafar untuk bertindak sebagai jurubahasa Tamil sepanjang sesi siasatan fizikal dijalankan ke atas Pemohon. Saya juga menegaskan bahawa dalam siasatan secara fizikal tersebut, Pemohon telah diberi peluang untuk memberikan keterangan tanpa menggunakan sebarang ugutan atau paksaan.

8. Saya dengan sesungguhnya menyatakan bahawa semua prosedur dan peruntukan undang-undang telah dipatuhi dengan sempurna."

**[79]** Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan Peguam Persekutuan bahawa permohonan habeas corpus mesti ditujukan kepada Pemerintah Tahanan semasa. Apa-apa kecacatan (*irregularity*) yang berlaku semasa proses siasatan adalah tidak relevan. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 4 CLJ 613, di m.s. 627 - 628 telah memutuskan seperti berikut:

" It must be observed that in view of the subjective nature of the exercise of discretion by the Minister in ordering detention as enunciated in *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia* [1969] 2 MLJ 139, the court is not concerned itself with the vagueness, sufficiency or relevancy of the grounds of detention. Thus even if the report of investigation was prepared as the result of an illegal arrest, the weight to be attached to it is a matter exclusively within the purview of the Minister. The court will not be concerned with the use of the report of investigation by the Minister. The consideration of a statement made by an illegally detained person cannot therefore be prohibited. The result is that the legality of the detention of the person under s. 3(2) is not a condition precedent to the making of a detention order against him under s. 6(1).

The corollary is that a detention order can be made against a person under s. 6(1) even when his detention under s. 3(2) was irregular. The general rule that a writ of habeas corpus must be directed against the current order of detention therefore applies where a detention under s. 6(1) has been made subsequent to an arrest and detention under s. 3(1) and (2). It follows that where a detention order has been made under s. 6(1), the writ of habeas corpus must be directed only against that order even if the earlier arrest and detention are irregular".

Di m.s. 629, Mahkamah Persekutuan selanjutnya memutuskan seperti berikut:

"By reason of the foregoing the prior irregularities in the detention of the appellant under s. 3(2) are not relevant to a consideration of the legality of the detention order made under s. 6(1). The detention order made against the appellant under s. 6(1) is regular".

**[80]** Dalam kes *Muhamad Jailani bin Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 6 MLJ 403, Mahkamah Persekutuan di m.s. 412 telah memutuskan seperti berikut:

"It follows that if a detention is procured by steps which are not regular the court is empowered to set aside the detention order. It means that every step which is necessary for the making of a detention order is subject to review by the court. The effect of a breach of such procedural requirements had been considered in a number of cases. See, for example, *Puvaneswaran v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1991] 3 MLJ 28; *Low Teng Hai v. Menteri Dalam Negeri Malaysia & Others* [1992] 2 CLJ (Rep) 816 and *Aw Ngoh Leang v. Inspector General Of Police* [1993] 1 MLJ 65. It has been recognised in these cases that a procedural requirement may be mandatory or directory. A mandatory requirement is one that goes to the root of the matter and is of direct relevance to the detention order. The breach of a mandatory requirement will render the detention order invalid without the need to establish any prejudice. The breach of a procedural requirement which is directory will not be significant provided that there is substantial compliance with the rules with no prejudice having been suffered by the detainee. However, it must be observed that the power of the court to intervene is limited to only matters of compliance with procedural requirements by section 11C (1) of the Act which reads as follows:

There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with this Act, save in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.

It is clear that the section restricts judicial review to only questions on compliance with any procedural requirement governing any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power. Such procedural requirements can only be ones that will go to the root of the matter and be direct relevance to the making of the detention order. The section only refers to a question of compliance with procedural requirements without subjecting it to any prejudice having been suffered. The test, therefore, in determining whether a breach can be subjected to judicial review is whether it is in compliance with any procedural requirement governing any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with the Act without the need to establish any prejudice. Such a determination will be greatly facilitated, though not decisively, by a consideration of the effect of the statutory provision that has been breached, that is to say, whether it is mandatory or directory in nature".

**[81]** Dalam kes *L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 7 CLJ 653, Mahkamah Persekutuan di m.s. 660 - 661 telah memutuskan seperti berikut:

"The cases referred to above illustrate the principles upon which the courts will consider in allowing for judicial review on an executive detention order. It may be stated this way. A writ of habeas corpus must be directed only against the current detention order even if the earlier arrest of the detainee is irregular. The court is also not concerned with the vagueness, sufficiency or relevancy of the grounds of detention which is the sphere of the executive exercise of the Minister's discretion under the various executive detention legislation unless mala fide on his part is shown. ( see *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ( Minister of Home Affairs), Malaysia* [1969] 1 LNS 65 see also *Minister of Home Affairs, Malaysia & Anor v. Karpal Singh* [1983] 3 MLJ 29 ). Any questions on the legality or propriety of the arrest or detention of a detainee at the investigation stage is not a relevant consideration nor is it a pre-condition to the order of detention of the Minister.

"The scheme under the Act (similarly under the POPOC) is that before a detention order is directed, the police would need to conduct an investigation which includes the power to detain any suspected person. The manner on conducting the investigations and arrests at this stage, is neither a condition precedent nor a matter which has direct link with the detention order and thus not a ground for judicial review".

**[82]** Dalam dapatan mahkamah ini, laporan Pegawai Siasatan KDN di bawah subseksyen 5(4) Akta tersebut kepada TMDN adalah teratur dan mematuhi kehendak subseksyen 5(2) Akta dan tidak defektif seperti yang diujahkan oleh peguam pemohon.

**[83]** Justeru, berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, isu ketiga yang dibangkitkan oleh peguam pemohon juga ditolak.

## KESIMPULAN

**[84]** Kewajipan untuk membuktikan penahanan pemohon adalah teratur dan sah mengikut peruntukan undang-undang sentiasa terletak pada atau menjadi beban pihak responden. Dalam kes *SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 705, Mahkamah Persekutuan di m.s. 710 telah memutuskan seperti berikut:

"It is settled law that on application for habeas corpus the burden of satisfying the court that the detention is lawful lies throughout on the detaining authority. See, *Chng Suan Tze v. The Minister of Home Affairs & Ors And Other Appeals* [1998] 1 LNS 162. In *Mohinuddin v. District Magistrate, Beed* AIR [1987] SC 1977, the Supreme Court of India observed as follows in the context of art. 22 of the Indian Constitution from which is drawn our art. 151 :

It is enough for the detenu to say that he is under wrongful detention, and the burden lies on the detaining authority to satisfy the Court that the detention is not illegal or wrongful and that the petitioner is not entitled to the relief claimed. This Court on more occasions than one has dealt with the question and it is now well-settled that it is incumbent on the State to satisfy the Court that the detention of the petitioner/detenu was legal and in conformity not only with the mandatory provisions of the Act but also strictly in accord with the constitutional safeguards embodied in Art. 22(5).

So too here. It is for the respondents to prove that the constitutional and statutory safeguards embodied in art.151 and s. 6(1) were strictly complied with. The liberty of an individual should not be infringed upon even to the slightest extent without proof that the impugned infringement is in accordance with the Constitution and statute. When considering whether a restraint upon liberty is in accordance with law it is to the evidence furnished by the detaining authority that a court must turn in the usual way. And where that evidence is by way of affidavit the court is not spared the task of subjecting its contents to the same tests as in any other case, if not to stricter scrutiny since the case concerns the violation of a constitutionally guaranteed protection".

**[85]** Dalam kes *Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 2 MLJ 245, Mahkamah Persekutuan di m.s. 250 -251 telah memutuskan seperti berikut:

"Preventive detention is the detention of a person without trial as opposed to punitive detention where a person is detained after a trial in a Court of law which he is proved to have committed an offence punishable under certain provisions of the penal law. Preventive detention is, therefore a serious invasion of personal liberty. Whatever safeguard that is provided by law against the improper exercise of such power must be zealously watched and enforced by the Court. In a matter so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving a person of his liberty. The material provisions of the law authorising detention without trial must be strictly construed and safeguards which the law deliberately provides for the protection of any citizen must be liberally interpreted. Where the detention cannot be held to be in accordance with the procedure established by the law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. Where personal liberty is concerned an applicant in applying for a writ of habeas corpus is entitled to avail himself of any technical defects which may invalidate the order which deprives him of his liberty. See *Ex Part Johannes Choeldi & Ors* [1960] 1 LNS 25.

One of the functions of the Courts is to interpret the law. An inherent part of their function is to see that the executive acts within the law and does not encroach unnecessarily into the realm of liberty of the subject. In fact, Art. 5(1) of the Constitution guarantees that no person shall be deprived of his liberty except in accordance with the law. If this constitutional guarantee is to have any real meaning at all, then it is imperative that the Courts should intervene whenever the liberty of the subject is encroached upon not in accordance with the law".

**[86]** Dalam kes ini, pengeluaran Perintah Tahanan yang dibuat pada 27 April 2017 adalah tertakluk kepada kepuasan hati dan budi bicara TMDN. Semua kehendak prosedur di bawah seksyen 6 (1) (a) dan (b) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan juga Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 telah dipatuhi dengan sewajarnya oleh pihak responden.

**[87]** Seksyen 11C Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dengan jelas memperuntukkan bahawa semakan kehakiman tidak boleh diadakan untuk mencabar budi bicara TMDN kecuali mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur atau tatacara.

**[88]** Mahkamah ini mendapati tidak terdapat apa-apa ketidakpatuhan prosedur mandatori yang telah dilakukan oleh pihak responden. Beban yang diletakkan ke atas pihak responden untuk membuktikan proses penahanan pemohon adalah teratur dan sah telah berjaya dilaksanakan oleh pihak responden sepertimana mengikut prinsip yang dijelaskan dalam kes *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* (supra) dan juga kes *L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* (supra).

**[89]** Dalam hemat mahkamah ini, setelah menimbangkan notis usul pemohon dan affidavit-afidavit sokongan, jawapan dan balasan serta hujahan bertulis dan lisan pihak-pihak, kesemua prosedur mandatori dalam proses penahanan pemohon telah dipatuhi oleh pihak responden dan hak pemohon untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat adalah tidak dinafikan.

**[90]** Justeru, permohonan pemohon untuk suatu writ habeas corpus adalah dengan ini ditolak.